

RINGKASAN EKSEKUTIF

TAJUK	:	KAJIAN IMPAK PELAKSANAAN PROGRAM KEUSAHAWANAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (PELANJUTAN TEMPOH)																	
TARIKH & TEMPAT	:	1 OKTOBER 2019 – 31 MAC 2020 (6 BULAN) DILANJUTKAN SEHINGGA 28 FEB 2021 (melalui surat yang dilampirkan)																	
OBJEKTIF	:	Mengkaji keberkesanan inisiatif di bawah Pelan Strategik Keusahawanan IPT dan memperincikan hala tuju pelan strategik yang baharu melalui analisis kritikal terhadap penerimaan dan prestasi semasa, isu, cabaran dan jurang serta impak kepada pewujudan ekosistem kondusif komuniti.																	
OUTPUT	:	Dapatan kajian akan digunakan sebagai: i. input dalam mewujudkan satu pelan tindakan baharu berkaitan keusahawanan dalam sektor pendidikan dan membantu menyumbang kepada peningkatan kebolehpasaran graduan; ii. input dalam mewujudkan visi dan aspirasi yang jelas bagi menentukan hala tuju agenda keusahawanan dalam sektor pendidikan selaras dengan perubahan dasar dan ekosistem																	
KOS	:	<table><tr><th>Bil.</th><th>Perkara</th><th>Jumlah (RM)</th></tr><tr><td>1</td><td>Yuran Professional – Fasa 3 (20%)</td><td>93,078.60</td></tr><tr><td>2</td><td>Yuran Professional – Fasa 4 (30%)</td><td>139,617.90</td></tr><tr><td>3</td><td>Baki Kos Imbuhan Balik</td><td>56,640.00</td></tr><tr><td colspan="2">JUMLAH</td><td>289,336.50</td></tr></table> (Jumlah keseluruhan projek ialah RM615,433.00)			Bil.	Perkara	Jumlah (RM)	1	Yuran Professional – Fasa 3 (20%)	93,078.60	2	Yuran Professional – Fasa 4 (30%)	139,617.90	3	Baki Kos Imbuhan Balik	56,640.00	JUMLAH		289,336.50
Bil.	Perkara	Jumlah (RM)																	
1	Yuran Professional – Fasa 3 (20%)	93,078.60																	
2	Yuran Professional – Fasa 4 (30%)	139,617.90																	
3	Baki Kos Imbuhan Balik	56,640.00																	
JUMLAH		289,336.50																	
PERUNTUKAN	:	Dana <i>Education Policy Studies (EPS)</i> oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kepada MPC = RM680,155.74																	
KOMEN	:																		

KERTAS CADANGAN
UNTUK KELULUSAN DAN PERTIMBANGAN LEMBAGA PENGURUSAN MPC

TAJUK:KAJIAN IMPAK PELAKSANAAN PROGRAM KEUSAHAWANAN INSTITUSI
PENDIDIKAN TINGGI

1.0 Tujuan

Tujuan kertas ini adalah untuk memaklumkan Kajian Impak Pelaksanaan Program Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi telah pun tamat dan pembayaran Fasa Ketiga dan Keempat (yuran profesional) serta baki kos imbuhan balik prlu dibuat kepada pembekal iaitu Alpha Catalyst Consulting.

2.0 Latar Belakang

- 2.1 Untuk makluman, kajian ini telah dilaksanakan oleh Alpha Catalyst Consulting bermula pada 1 Oktober 2019 melalui surat tawaran bertarikh 18 September 2019.
- 2.2 Kajian yang sepatutnya tamat pada 31 Mac 2020 iaitu dalam tempoh 6 bulan, tidak dapat diteruskan disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan oleh Kerajaan untuk mengawal penularan virus COVID-19. Sehubungan dengan itu, MPC telah pun memohon tempoh pelanjutan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sehingga 31 Julai 2020 (tambahan 4 bulan).
- 2.3 Walau bagaimanapun, disebabkan peralihan pengurusan tertinggi KPT, surat kelulusan tempoh kajian bertarikh 25 Januari 2021 diterima pada 1 Mac 2021, menyatakan pelanjutan dibenarkan sehingga 28 Februari 2021.
- 2.4 Pembentangan laporan akhir telah dibuat pada 26 Februari 2021 secara maya melalui Google Meet yang dipengerusikan oleh YBr. Dr. Mohd Zabri Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pengajian Tinggi.

3.0 Objektif

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji keberkesanan inisiatif di bawah Pelan Strategik Keusahawanan IPT dan memperincikan hala tuju pelan strategik yang baharu melalui analisis kritikal terhadap penerimaan dan prestasi semasa, isu, cabaran dan jurang serta impak kepada pewujudan ekosistem kondusif komuniti.

4.0 Kos Kajian dan Baki Bayaran

Projek ini dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menggunakan Dana Education Policy Study (EPS) sebanyak **RM680,155.74** termasuk yuran professional, kos imbuhan balik dan SST (6%) dan bayaran kepada Alpha Catalyst Consulting melalui MPC seperti di bawah:

Bil.	Perkara	Jumlah (RM)
1	Yuran Professional	439,050.00
2	SST (6%)	26,343.00
3	Kos Imbuhan Balik	150,040.00
JUMLAH		615,433.00

Untuk makluman, bayaran yang telah dibuat adalah seperti di bawah:

Bil.	Perkara	Jumlah (RM)
1	Yuran Professional – Fasa 1 (10%)	46,539.30
2	Yuran Professional – Fasa 2 (40%)	186,157.20
3	Kos Imbuhan Balik	93,400.00
JUMLAH		326,096.50

Sehubungan dengan itu, setelah **pembentangan laporan akhir** dibuat pada **26 Februari 2021** (secara maya melalui Google meet) dan kelulusan bayaran oleh KPT melalui keratan minit mesyuarat JK Teknikal Bil.5.2021 (seperti lampiran) baki bayaran yang perlu dibuat kepada pembekal seperti jadual di bawah:

Bil.	Perkara	Jumlah (RM)
1	Yuran Professional – Fasa 3 (20%)	93,078.60
2	Yuran Professional – Fasa 4 (30%)	139,617.90
3	Baki Kos Imbuhan Balik (perlu sertakan resit bayaran)	56,640.00
JUMLAH		289,336.50

5.0 Syor

Pertimbangan dan kelulusan pihak Pengurusan MPC adalah dipohon untuk bayaran dapat dibuat dengan jumlah **RM289,336.50** seperti butiran di atas.

Disediakan oleh:



Nurul Syamimi binti Ismail

Unit PLWS, PCD

29 Mac 2021

Disokong oleh:



Sugumar Saminathan

Pengarah Unit PLWS, PCD

29 Mac 2021